



SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri,
Paras 25, KOMTAR,
10503 Pulau Pinang.

Telefon : 04-650 5582 / 650 5583
Faks : 04-263 3642
Laman Web : www.penang.gov.my

SULIT DAN SEGERA

Ruj Kami : PSUKPP.DUN.600-4/4/1
Tarikh : 10 Julai 2024

Encik Ahmad Fathan Bin Abdul Rahim
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) Wilayah Utara
Jalan Tun Hamdan Sheikh Tahir
13200 PULAU PINANG

Tuan,

PENGANUGERAHAN DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT KEHORMATAN NEGERI PULAU PINANG (DKBP) TAHUN 2024

Dengan hormat dan takzimnya, sukacita saya memaklumkan bahawa sempena dengan sambutan Hari Ulang Tahun Ke-75 Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang pada 13 Julai 2024, Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang telah memperkenankan kurniaan kepada Tuan

PINGAT JASA KEBAKTIAN (P.J.K)

- Setinggi-tinggi tahniah diucapkan atas kurniaan ini dan semoga Tuan akan terus menyumbangkan khidmat bakti yang cemerlang terhadap bangsa, Negara dan Negeri Pulau Pinang.
- Sehubungan dengan ini, sukacita sekiranya Tuan dapat menyatakan **persetujuan untuk menerima kurniaan** tersebut sebelum atau pada **19 Julai 2024** dengan mengembalikan Borang Jawapan Setuju Menerima menerusi email **epingat@penang.gov.my**
- Tuan juga dimohon untuk mengemukakan **satu (1) salinan kad pengenalan/passport** bagi tujuan urusan pentadbiran. Tuan boleh menghubungi Pejabat ini di talian 04-6505163/5566 sekiranya mempunyai pertanyaan lanjut berhubung dengan penganugerahan ini.

Ruj Kami : PSUKPP.DUN.600-4/1/1

5. Penganugerahan ini hendaklah dianggap sebagai **RAHSIA** dan tidak dimaklumkan kepada mana-mana pihak sehingga selesai penganugerahan.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"CEKAP, AKAKUNTABILITI, TELUS"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' HJ ROSLI BIN ISA)



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG
PARAS 25, KOMPLEKS TUN ABDUL RAZAK (KOMTAR)
10503 PULAU PINANG



Tel : 04-262 1957
Faks : 04-261 8618 / 04-261 3203 / 04-263 3010 (Pentadbiran)
Laman Web : www.penang.gov.my

SULIT DAN SEGERA

Ruj Kami : PSUKPP.DUN.600-4/4/1
Tarikh : 10 Julai 2024

Encik Ahmad Fathan Bin Abdul Rahim
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) Wilayah Utara
Jalan Tun Hamdan Sheikh Tahir
13200 PULAU PINANG

Tuan,

ISTIADAT PENGANUGERAHAN DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT KEHORMATAN NEGERI PULAU PINANG (DKBP) TAHUN 2024

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dijemput Tuan untuk menerima

PINGAT JASA KEBAKTIAN [P.J.K]

sempena Hari Ulang Tahun Ke-75 Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang Tahun 2024. Istiadat Penganugerahan ini akan disempurnakan oleh Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang pada ketetapan seperti berikut:

Tarikh : 30 JULAI 2024 (SELASA)

Masa : 8:00 pagi

**Tempat : Dewan Sri Pinang
Jalan Tun Syed Sheh Barakbah, George Town**

Pakaian : (rujuk Garis Panduan untuk Penerima DKBP)

****Penerima DKBP dibenarkan membawa seorang (1) tetamu sahaja***

...2/-

CEKAP AKAUNTABILITI TELUS



CERTIFIED TO ISO 9001:2015



CERTIFIED TO ISO 27001:2013



CERTIFIED TO ISO 37001:2016



3. Bagi memastikan istiadat berkenaan berjalan lancar dan sempurna, Tuan **DIWAJIBKAN** untuk menghadiri sesi raptai seperti ketetapan berikut:

Tarikh : 28 JULAI 2024 (AHAD)

Masa : 8:00 PG

**Tempat : Dewan Sri Pinang
Jalan Tun Syed Sheh Barakbah, George Town**

****Hanya Penerima DKBP 2024 dibenarkan hadir ke Majlis Raptai***

4. Tuan dimohon untuk mengesahkan kehadiran ke majlis istiadat berkenaan dengan mengembalikan Borang Jawapan Kehadiran yang dikepilkan bersama-sama surat ini melalui email atau menelefon di talian berikut **sebelum 19 Julai 2024**:

Telefon : **04-6505163/5566**

atau

E-mel : **epingat@penang.gov.my**

5. Sekiranya Tuan tidak dapat menghadiri ke Majlis Istiadat Penganugerahan yang ditetapkan, Tuan boleh menuntut Darjah/ Bintang/ Pingat serta watakah **selewat-lewatnya pada atau sebelum 30 Ogos 2024**. Sebarang tuntutan yang dilakukan selepas daripada tarikh yang ditetapkan **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**.

6. Bersama-sama ini dilampirkan Atur Cara Raptai, Borang Jawapan Kehadiran Majlis dan Raptai Istiadat, pelekat rasmi meletak kenderaan serta Garis Panduan Penerima / Tetamu DKBP sebagai panduan dan rujukan bersama para penerima.

Sekian, terima kasih

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"CEKAP, AKAKUNTABILITI, TELUS"

Saya yang menjalankan amanah,


(ABDUL KAHAR BIN ABDULLAH)
Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)
b.p. Setiausaha Kerajaan Negeri
Pulau Pinang



PERATURAN-PERATURAN TETAP ISTIADAT PENGANUGERAHAN DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT KEHORMATAN NEGERI PULAU PINANG (DKBP) TAHUN 2024

1. PENDAHULUAN

- 1.1 Kerajaan Negeri mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada mereka yang dianugerahkan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan Negeri sempena Hari Ulang Tahun Yang ke-75 Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang.
- 1.2 Untuk memastikan Istiadat ini dilaksanakan dengan lancar dan sempurna, tuan/puan dinasihatkan supaya mengambil perhatian mengenai peraturan-peraturan yang ditetapkan. Pegawai Istiadat dan Penolong-penolongnya akan menguatkuasakan peraturan-peraturan ini dan berhak untuk **tidak membenarkan** seseorang penerima atau tetamu masuk ke Dewan Istiadat sekiranya peraturan-peraturan ini tidak dipatuhi sepenuhnya.

2. TARIKH ISTIADAT

Istiadat Penganugerahan akan diadakan pada tarikh yang akan ditetapkan kelak. Penerima-penerima akan **diberitahu tarikh sebenar melalui surat tawaran & surat jemputan istiadat dan juga melalui panggilan telefon dari pihak Urusetia DKBP untuk menerima Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat daripada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang.**

3. TETAMU

- 3.1 Seorang penerima hanya boleh membawa bersama **seorang tetamu sahaja** untuk turut hadir ke Istiadat.
- 3.2 Jika tetamu ialah anak, beliau hendaklah **berumur 12 tahun** ke atas.

ATAU

Pakaian Seragam Istiadat bagi Pegawai Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik, Anggota-anggota Kerajaan, Anggota-anggota Parlimen/Ahli Dewan Undangan Negeri, Pegawai Tentera dan Polis (tanpa pedang dan sarung tangan) dan pegawai-pegawai lain yang berhak memakainya.

PAKAIAN YANG TIDAK DIBENARKAN MASUK DALAM DEWAN ISTIADAT BAGI PENERIMA DAN TETAMU

(i) **Lelaki**

Selain dinyatakan di Para 4.1(a) muka surat 2.

(ii) **Wanita**

Selain dinyatakan di para 4.1(b) di muka surat 2 dan muka surat 3.

4.2 Penerima tidak boleh memakai Darjah Kebesaran, Bintang atau Pingat-pingat yang telah diterimanya.

4.3 Jemputan lain yang telah menerima kurniaan bolehlah memakai Darjah Kebesaran, Bintang atau Pingat Kehormatan Negeri yang telah diterimanya.

5. TATATERTIB

5.1. Semua penerima dan tetamu hendaklah menjaga suasana istiadat/etiket semasa Istiadat dijalankan.

5.2. Tuan/Puan dilarang sama sekali bercakap ataupun membuat bising di dalam Dewan Istiadat.

5.3. Sebarang pergerakan keluar/masuk Dewan juga dilarang.

5.4. Telefon mudah alih tidak boleh dibawa ke dalam Dewan.

5.5. Merokok adalah dilarang.

5.6. Penerima-penerima Darjah Kebesaran dan tetamu tidak dibenarkan sama sekali duduk menyilangkan kaki.

6. RAPTAI

Raptai istiadat akan diadakan mengikut hari yang telah ditetapkan sebelum Istiadat sebenar berlangsung bertempat di Dewan Sri Pinang. **Tarikh dan masa raptai akan dimaklumkan oleh pihak Urus Setia.** Semua penerima Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan Negeri **DIWAJIBKAN** menghadiri raptai. **Penerima yang tidak hadir raptai tidak akan dibenarkan masuk ke dalam Dewan pada hari Istiadat.**

ATUR CARA RAPTAI

MAJLIS ISTIADAT PENGANUGERAHAN DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT KEHORMATAN NEGERI PULAU PINANG (DKBP) TAHUN 2024

DEWAN SRI PINANG, PULAU PINANG

SESI PAGI – 28 JULAI 2024 (AHAD)

- | | | |
|------------|---|---|
| 8.00 pagi | : | Pendaftaran penerima-penerima Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan Negeri Pulau Pinang (DKBP) Tahun 2024 |
| 9.30 pagi | : | Penerima-penerima Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan Negeri (DKBP) mengambil tempat duduk di Dewan Istiadat. |
| 9.45 pagi | : | Ucapan aluan dan taklimat kepada penerima-penerima DKBP 2024 |
| 10.15 pagi | : | Sesi Raptai Istiadat Penganugerahan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan Negeri Pulau Pinang (DKBP) Tahun 2024 |
| 11.30 pagi | : | Majlis bersurai & jamuan ringan |

PAKAIAN SEMASA MENGHADIRI MAJLIS RAPTAI

- | | | |
|-----------|---|---|
| LELAKI | : | Lounge Suit / Baju Kebangsaan / Batik Lengan Panjang / Pakaian Kerja (pakaian pejabat), kemas dan sopan |
| PEREMPUAN | : | Pakaian yang bersesuaian, kemas dan sopan |